



PERATURAN PERTANDINGAN TENIS

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejujanaan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persekutuan Tenis Antarabangsa hendaklah diikuti.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Perkara 4.0. dalam Peraturan Am di rujuk.
- 2.2 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari 2 perseorangan dan 2 beregu.
- 2.3 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.
- 2.4 Pemain yang tidak disenaraikan namanya di dalam Borang Pendaftaran tidak dibenarkan mengambil bahagian.
- 2.5 **Tiada pertukaran nama pemain selepas jadual perlawanan dikeluarkan.**
- 2.6 'Sign-in' nama pemain perlu dibuat di Kompleks Sukan oleh pengurus, pemain atau wakil fakulti 2 hari sebelum tarikh kejujanaan bermula jam 11.00 pagi hingga 4.00 ptg.

3.0 MASA PERMAINAN

- 3.1 Masa selama 10 minit diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma.

4.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan adalah secara individu perseorangan dan beregu.
- 4.2 Pertandingan adalah secara '**knock out**'.

5.0 CARA MEMUTUSKAN PEMENANG

- 5.1 Pusingan awal hingga suku akhir Kiraan mata adalah berdasarkan 'First To Reach six' dan jika mata terikat enam sama kemenangan ditentukan melalui Tie Break.
- 5.2 Untuk separuh akhir dan perlawanan akhir akan diadakan "First to reach eight" jika mata terikat lapan sama kemenangan ditentukan melalui Tie Break.
- 5.3 Sekiranya cuaca buruk, penglihatan kurang jelas dan berlaku perkara di luar jangka, pihak penganjur akan membuat menentukan kemenangan melalui 'Touch Coin' di peringkat akhir.
- 5.4 Segala keputusan pengadil adalah muktamad.

6.0 PENGADIL

- 6.1 Pemain-pemain daripada kedua-dua pasukan berkenaan diminta mengira sendiri mata pada pusingan awal.
- 6.2 'Chair Empire' hanya akan disediakan dalam perlawanan separuh akhir dan akhir.
- 6.3 Jika berlaku sebarang pertelingkahan pasukan-pasukan yang terlibat dikehendaki merujuk kepada Pengadil Kehormat dan keputusan beliau di atas perkara berkaitan dengan Undang-undang Tennis dan lain-lain hal adalah muktamad.